

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>13</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2021</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1443</b>

---

- NILAI-NILAI MURNI DALAM KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUALIM ...3-20  
*Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham & Ummu Maisaroh Budiyono*
- PENDEKATAN ZIKIR *AL-MUNFARID* DALAM MENANGANI TEKANAN KETIKA PANDEMIK COVID-19 ...21-42  
*Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Norhana Ahad, Khairul Azhar Meerangani, Mohd Farhan Md Ariffin & Izzah Nur Aida Zur Raffar*
- PERANAN GURU PENGAJIAN TURATH DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR DI PONDOK ...43-71  
*Nazneen Ismail, Norhana Ahad, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin*
- FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI HAMKA (1908-1981) MENURUT AUTOBIOGRAFI KENANG-KENANGAN HIDUP (1951)...72-96  
*Zahiruddin Zabidi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*

*Al-Hikmah 13(1) 2021: 43-71*

## Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok

The Roles of *Turath* Studies Teachers in Developing Students'  
Personality at Pondok

\*NAZNEEN ISMAIL  
NURZATIL ISMAH AZIZAN  
SITI MURSYIDAH MOHD ZIN

### ABSTRAK

Institusi pondok mempunyai reputasi baik dari segi melahirkan para pelajar yang mampu menyumbang kepada masyarakat, sama ada dari segi ilmu agama mahupun khidmat kemasyarakatan. Di samping itu, sistem pengajian turath yang digunakan di pondok juga memberi impak positif bagi menangani masalah sosial pelajar. Antara faktor keberkesanan pengajian turath ialah melalui peranan guru-guru. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan guru pengajian turath di pondok dalam pembentukan sahsiah pelajar. Metode kajian yang digunakan ialah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Temubual secara separa berstruktur telah dijalankan terhadap lima orang guru daripada empat buah pondok. Pemilihan lokasi kajian berdasarkan ciri sekolah yang menawarkan pengajian turath serta mempunyai pelajar yang berusia antara 13 hingga 25 tahun. Data dianalisis secara tematik berdasarkan peranan guru dalam pembentukan sahsiah pelajar pengajian turath. Hasil kajian mendapati guru memainkan peranan sebagai suri teladan kepada pelajar, mempunyai hubungan yang baik dengan mereka, mengutamakan adab di samping menyuburkan rasa cinta ilmu dalam diri pelajar. Peranan ini perlu dijalankan dengan seikhlas hati supaya para pelajar benar-benar dapat mencontohi akhlak para ulama dan mengaplikasikannya sepanjang masa.

**Kata kunci:** *Pengajian turath, Sahsiah pelajar, murabbi, muaddib, suri teladan*

### ABSTRACT

*Pondok* institution has a good reputation for producing students who can contribute to society through religious knowledge and community service. In addition, the *turath* education system used in *Pondok* also has a positive impact on solving students' social problems. Among the factors in the effectiveness of *turath* studies

is the role of teachers. Thus, this study aims to explore the parts of *turath* studies teachers in developing students' personality. The research method used in this study is qualitative with a case study design. Semi-structured interviews are conducted with five teachers from four *pondok*. The selection of the study location is based on the characteristics of the schools that offer *turath* studies and have students aged between 13 to 25 years. The data are analysed thematically based on the teachers' roles in developing students' personality in *turath* studies. The study results show that teachers play an important role in becoming models for students, having a good relationship with them, prioritising manners while nurturing the love of knowledge. This role needs to be carried out sincerely so that students can genuinely emulate the morals of Muslim scholars and apply them all the time.

**Keywords:** *Turath studies, students' personality, murabbi, muaddib, role model*

## PENDAHULUAN

Institusi pendidikan secara keseluruhan berperanan dalam membentuk sahsiah pelajar. Namun guru memegang peranan penting dalam memastikan kejayaan matlamat tersebut sehinggakan pembentukan pelajar yang berakhlak terletak kepada ketinggian akhlak para guru mereka (Deni Sutisna, Dyah Indraswati & Muhammad Sobri 2019). Antara sistem pengajian yang terbukti menunjukkan impak positif terhadap keperibadian pelajar dan mengurangkan risiko masalah sosial remaja ialah pengajian turath atau disebut sebagai sistem pondok (Noornajihan, Zulkiple & Siti Rugayah 2017; Rizky 2017).

Di Nusantara, pondok merupakan institusi pendidikan Islam yang paling awal diasaskan dengan menawarkan pengajian al-Quran sebagai asas sebelum dikembangkan dengan memasukkan pengajian kitab turath sebagai silibus. Secara keseluruhan, asas yang dimiliki oleh institusi pondok di Alam Melayu ialah: 1) memiliki manhaj yang jelas iaitu akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (Asha'irah dan Maturidiyyah), 2) sukatan pelajaran di pondok mesti berpaksikan kepada kitab-kitab turath peninggalan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, 3) menerapkan sistem tradisional dalam mendidik murid seperti hafazan, talaqqi dan waktu yang panjang, 4) menjulang tinggi pentingnya ilmu alat seperti nahu, saraf, usul fiqh, mantiq, ilmu Hadis, ilmu al-Quran dan lain-lain (Ayman 2021).

Pengajian turath ini bermula dan berkembang daripada aktiviti pengajaran di masjid. Pelbagai aktiviti dan kegiatan keagamaan dilaksanakan bagi mendedahkan masyarakat tentang segala permasalahan dalam Islam seperti hukum hakam, akidah, dan masalah-masalah lain. Kelas-kelas pengajian agama ini merupakan inisiatif daripada para guru lepasan pengajian luar negara seperti Patani, Mekah, Mesir dan lain-lain.

Elemen dasar tradisi pondok ialah pemimpin, pengajar atau pendidik, pelajar, pengajaran kitab-kitab klasik, pondok dan masjid (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi 2011). Hari ini, pengajian turath tidak lagi terhad kepada institusi pondok tetapi sudah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran agama kelolaan kerajaan seperti di Selangor. Ini rentetan daripada sumbangan institusi pondok yang besar terhadap masyarakat Islam iaitu mencegah masalah buta huruf, melahirkan para alim ulama (Ramli, Khairi & Ishak 2015; Ahmad Yunus & Quthrennada 2017) di samping melakukan kegiatan kemasyarakatan seperti menunaikan solat jenazah, membaca tahlil dan mengimamkan solat Jumaat (Maziahtusima et al. 2019; Masyhurah et al. 2015).

Peranan institusi pondok ini bermula daripada peranan guru yang bukan sekadar mua'lim yang mengajar tetapi juga sebagai murabbi pondok sekaligus memberi manfaat yang lebih kepada pelajar dan masyarakat yang datang untuk mempelajari ilmu agama di sekolah pondok. Sistem ini telah dibuktikan banyak melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dengan ilmu-ilmu agama yang mereka pelajari meliputi semua bidang pengajian Islam (Masyhurah et al. 2015). Walaupun pada hari ini tidak semua pondok beroperasi sebagaimana pondok tradisional, metode pengajiannya yang sama iaitu menjadikan kitab turath sebagai sumber penyampaian ilmu dilihat masih lagi melahirkan para lepasan pondok yang meneruskan tradisi pengajian dari satu generasi ke satu generasi serta beradaptasi dengan keadaan semasa. Justeru, kajian ini tertumpu kepada peranan guru pengajian turath di pondok dalam pembentukan sahsiah pelajar supaya boleh dijadikan contoh kepada para guru.

## PERANAN GURU DALAM PERSEKITARAN PONDOK

Kajian literatur dilakukan dengan tertumpu kepada perbincangan berkaitan guru sama ada peranannya secara umum, kedudukannya dalam pengajian turath atau pondok di samping turut melihat kepada peranannya dalam pembentukan sahsiah atau akhlak para pelajar. Dapatan menemui bahawa antara peranan guru yang diketengahkan oleh para pengkaji ialah guru sebagai pelaksana kurikulum (Nursyamsi 2018; Agustini 2018; Kamarul et al. 2012), fasilitator (Dorlan 2018; Hendra 2017), motivator (Mitro 2017; Ahmad Idzhar 2016; Sumiati 2018; Hendra 2017) dan pembentuk sahsiah pelajar (Yakcop & Chua 2017; Tan, Rahimah & Zuraini 2015; Iman Syahid 2015; Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini 2013; Mohamad Khairi & Asmawati 2010).

Bagi guru, mereka perlu menyedari bahawa peranan yang dimainkan begitu besar. Ahmad Sopian (2016) menekankan bahawa peranan guru boleh dirumuskan kepada empat yang utama iaitu mendidik,

membimbing, mengajar dan melatih. Noornajihan dan Zetty Nurzuliana (2015) pula telah menyenaraikan pandangan sarjana Islam terkemuka tentang elemen kualiti guru pendidikan Islam sebagai murabbi. Sebagai murabbi, seorang guru perlu mempunyai elemen pemikiran rabbani, penguasaan ilmu agama dan pengamalannya, kemahiran-kemahiran dalam pengajaran dan kesempurnaan sahsiah. Terdapat empat peranan guru iaitu:

#### 1. Pelaksana kurikulum

Sebagai pelaksana kurikulum, guru perlu menonjolkan ciri kreatif, inovatif, profesional, kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal sehingga dapat mewujudkan komunikasi yang kondusif dengan para pelajar dan semua pihak ke arah mencapai matlamat pembelajaran itu sendiri (Nursyamsi 2018). Hubungan yang baik ini menjadi faktor utama kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam (Kamarul et al. 2012) dan juga menyumbang kepada motivasi belajar para pelajar sendiri (Dorlan 2018).

#### 2. Fasilitator

Sebagai fasilitator, guru juga bertindak sebagai agen yang membantu pelajar untuk mengenali, memahami dan berhadapan kepada dunia mereka. Maka, guru bukan sahaja memberi perhatian kepada hubungan dengan pelajar, bahkan turut menjalin hubungan baik dengan ibubapa. Sebagai fasilitator, guru perlu mempunyai penampilan menarik dan sentiasa bersedia untuk beradaptasi dengan perubahan semasa supaya potensi pelajar dapat dikembangkan dengan sebaiknya (Hendra 2017). Sehubungan itu, Muhammad Anasrulloh (2018) mencadangkan agar para guru didedahkan dengan budaya ilmiah melalui metodologi penulisan akademik yang diamalkan oleh universiti-universiti.

#### 3. Motivator

Guru merupakan golongan yang paling hampir dengan pelajar, mereka mempunyai ruang dan peluang yang sangat besar untuk mendekati pelajar serta menanamkan semangat serta motivasi kepada pelajar sama ada dari segi akademik mahupun sahsiah. Bagi tujuan ini, pelbagai pendekatan boleh dilakukan oleh guru seperti mewujudkan pembelajaran secara kreatif. Guru juga perlu memahami kepelbagaian potensi pelajar, menghayati peranan sebagai guru (Mitro 2017), menggalakkan pembelajaran di luar kelas, memberikan nasihat, perhatian, pujian dan ganjaran, juga memberi teguran kepada pelajar yang lemah (Sumiati 2018; Hendra 2017). Guru juga perlu mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan tidak terikat dengan peperiksaan bagi merangsang kreativiti para pelajar (Mohamad Mohsin & Nasrudin 2008; Norhisham 2018).

#### 4. Pembentuk sahsiah pelajar

Sebagai pembentuk sahsiah pelajar, guru perlu mempunyai sikap kompeten dengan mempamerkan personaliti yang terbaik seperti mudah didekati, mesra pelajar, tekun dalam melaksanakan tugas, bersedia dalam mengajar dan tidak pilih kasih terhadap pelajar (Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini 2013; Yacop dan Chua 2017; Tan, Rahimah & Zuraini 2015) serta peka terhadap keperluan pelajar (Tan, Rahimah & Zuraini 2015; Mohamad Khairi & Asmawati 2010). Selaku perancang, pengelola, pengarah dan penilai pembelajaran, guru seharusnya sentiasa menunjukkan contoh teladan kerana para pelajar mudah mentafsirkan segala tindakan guru (Iman Syahid 2015; Mohamad Khairi & Asmawati 2010).

Dalam usaha melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia guru pengajian turath didapati amat memandang serius peranan mereka. Ini kerana mereka sangat mengutamakan nilai ikhlas dan adab dalam kehidupan seharian (Gina, Mubarak & Shanty 2016; Tulus 2018; Haziyah et al. 2019). Maka, sifat ini kemudiannya ditekankan dan ditanam dalam diri para pelajar melalui pelbagai kaedah seperti pengajaran ilmu tasawuf (Masyhurah et al. 2015; Fatoni 2016), membiasakan diri mereka dan pelajar dengan akhlak Rasulullah SAW (Lilik 2016; Masyhurah et al. 2015, Endang 2016), membangunkan rohani pelajar melalui aktiviti tazkiyat al-nafs (penyucian jiwa) (Masyhurah et al. 2015; Faizatul Najihah & Faudzinaim 2016), memberikan nasihat, penjelasan, dorongan dan pujian sebagai motivasi kepada para pelajar (Lilik 2016), mendorong mereka berkhidmat kepada guru dan sekolah (Masyhurah et al. 2015), mendidik mereka dengan kegiatan luar kelas termasuk aktiviti kemasyarakatan (Ulvia 2018; Mujahid 2017; Masyhurah et al. 2015), menjadi tempat rujuk pelajar dengan cara menguasai pelbagai bidang ilmu (Masyhurah et al. 2015; Niswatul Husna 2020; Endang 2016) serta melakukan pemantauan dan penilaian terhadap sahsiah pelajar (Masyhurah et al. 2015; Lilik 2016) dengan cara memahami sahsiah pelajar serta mempunyai komunikasi yang baik dengan pelajar, sesama guru, ibubapa dan masyarakat sekitar (Endang 2016).

Hal ini berkait juga dengan keperibadian guru pengajian turath sendiri iaitu ikhlas dan penghayatan (Gina, Mubarak & Shanty 2016; Tulus 2018; Haziyah et al. 2019), kompeten (Fadhil & Nailal 2019), disiplin dalam waktu mengajar, bertanggungjawab tinggi, istiqamah, jujur dan bersungguh-sungguh, bekerja keras, sabar, kreatif (Tulus 2018; Yekti 2017; Niswatul Husna 2020). Semua usaha ini adalah bertujuan untuk membentuk sahsiah pelajar dengan kemahuan dan keinginannya sendiri. Di sini dapat dilihat bahawa pendekatan yang diamalkan guru berkait dengan psikologi atau kejiwaan. Pendekatan psikologi dalam proses pendidikan, penerangan

dan perbincangan tentang akhlak akan merangsang motivasi individu dan sosial pelajar sekali gus menunjukkan hasil yang positif dalam diri mereka (Faridah & Tengku Sarina Aini 2006; Fauziah et al. 2012).

Tambahan pula, pengajian turath membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan amalan agama yang sempurna sehingga menjadikan mereka lebih rasional dalam menangani cabaran hidup seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada pada mereka (Fauziah et al. 2012). Sesuai dengan niche pondok yang menerapkan pendekatan tasawuf, maka aspek *tazkiyat al-nafs* yang menjadi tonggak perlu diperhatikan dengan sebaiknya. Jiwa adalah penentu kepada tindak tanduk manusia sama baik atau buruk. Ia tidak hanya dipelajari secara dalam kelas tetapi juga mesti melibatkan aktiviti luar kelas yang lain khususnya berkaitan dengan ibadah. Jiwa yang terbangun dengan baik memberi kesan terhadap sahsiah seseorang (Norhisham 2018; Faizatul Najihah & Faudzinaim 2016). Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, kajian ini akan mengenal pasti peranan para guru pengajian turath di pondok dalam pembentukan sahsiah pelajar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Lokasi kajian tertumpu kepada sekolah-sekolah agama di Selangor yang menawarkan pengajian turath atau disebut juga sebagai pondok. Pondok yang dipilih ialah pondok A, B, C dan D di Selangor yang mempunyai pelajar dalam lingkungan umur antara 13 hingga 25 tahun dan menawarkan pengajian kitab-kitab turath meliputi ilmu asas fardu ain seperti fikah, akidah, akhlak dan tasawuf. Seramai lima orang guru pengajian turath (PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5) terlibat dalam sesi temubual ini.

Kajian ini menggunakan instrumen temubual yang telah disahkan oleh pakar dan dinilai menggunakan pekali Cohen Kappa. Purata nilai persetujuan yang diperolehi ialah 0.81 yang menunjukkan instrumen temubual yang dibina berada pada tahap sangat baik. Setelah itu, sesi temubual secara separa berstruktur telah dijalankan secara atas talian pada tiga tarikh berbeza iaitu 8 Disember 2020 untuk pondok C (PK3), 9 Disember 2020 untuk pondok A (PK1) dan D (PK5) serta 15 Disember 2020 bagi pondok B (PK2 dan PK3). Sesi temubual telah dirakam dan ditranskrip secara verbatim sebelum dianalisis secara tematik berdasarkan peranan guru pengajian turath dalam pembentukan sahsiah pelajar. Tema yang menjadi tumpuan ialah guru pengajian turath sebagai suri teladan, pembangunan rohani, pendekatan motivasi dan nasihat, hubungan dengan pelajar, menyuburkan rasa cintakan ilmu, memperhatikan sumber makanan, hubungan dengan ibubapa, pemantauan, penilaian dan ganjaran. Data yang

diperoleh, dibandingkan bagi mencari persamaan serta perbezaan antara sampel yang terlibat.

## HASIL KAJIAN

### **GURU SEBAGAI SURTI TELADAN**

Hasil temubual dengan guru pengajian turath menunjukkan semua mereka meletakkan tanggungjawab utama sebagai guru ialah sentiasa memperbaiki diri kerana mereka merupakan golongan yang akan menjadi surti teladan kepada para pelajar. Melalui guru, pemikiran kritis dan kreatif pelajar dapat dibina dengan baik bagi membentuk jati diri yang sempurna agar dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Maka, untuk menjadi guru pengajian turath yang berkualiti mereka perlu mengamalkan beberapa prinsip seperti niat yang betul, perlakuan yang baik, mendorong ke arah kebaikan, mengotakan apa yang dikata serta berdisiplin dan beradab (Nurlina, Mohd Daud & Ahmad Nasir 2018).

Hatta dalam perutusan Rasulullah SAW, menjadi surti teladan kepada umat manusia merupakan salah satu daripada tujuan dan peranan baginda. Para sahabat dapat melihat secara langsung teladan yang mulia ini. Apa sahaja yang diperintahkan baginda, pasti ditunjukkan oleh baginda terlebih dahulu (Ali 2015). Ini merupakan amalan utama dalam pengajian turath seperti yang ditegaskan oleh para peserta kajian. Malah, para guru pengajian turath telah dibiasakan dengan adab yang baik sehingga para pelajar dapat mencontohinya tanpa perlu kepada paksaan. Peserta kajian menjelaskan

*“Pertama sekali, kita sebagai guru yang menjadi role model. Seperti kita sendiri yang memperbaiki diri kita. Sebab guru ini adalah fotostat kepada anak murid” (PK1/14/341-342)*

*“Untuk pembentukan sahsiah pelajar semua memainkan peranan, guru, pelajar dan juga suasana. Tapi, bagi saya lebihkan keadaan guru dalam pembentukan sahsiah pelajar.” (PK4/ 14/409-411)*

*“Kebanyakan guru dah diterapkan dengan sistem sekolah iaitu dari segi khidmat adab dan sebagainya lah. Jadi perkara tersebut akan dilihat oleh para pelajar kemudian akan diikuti oleh pelajar itu sendiri.” (PK3/8/229-234)*

Para guru juga berusaha mendekati para pelajar kepada Rasulullah SAW dan para ulama melalui kaedah penceritaan dan



pembelajaran dalam kelas secara langsung serta tidak langsung. Peserta kajian menyatakan,

*“Di setiap pengajian kita, kita kena selalu bagitahu bahawa kita kena ada idola masing-masing. Tapi idola kita adalah Rasulullah Maksudnya kita dah bagitahu dorang kalau punya idola artis, idola pemain bola sepak, dia orang tak boleh tolong kita jadi kita kena terap idola kita masing-masing iaitu Rasulullah.”* (PK1/10/238-242)

Para ulama yang diperkenalkan kepada para pelajar juga tidak khusus kepada seorang sahaja tetapi para guru mengambil pelbagai contoh kisah para ulama untuk dijadikan contoh kepada pelajar. Seperti yang dinyatakan,

*“Ikon untuk pelajar ni kita bagi bukan satu ataupun dua. Tapi kita bagi secara menyeluruh. Contohnya dalam ilmu nahu, Sibawayh nama dia contoh, jadi ikut hok ni. Jadi banyak contohnya bukan hanya sorang-sorang. Kalau dalam tasawwuf Imam Ghazali, dalam bab ni Syeikh al-Baghdadi.”* (PK4/13/377-380)

Bagi menunjukkan bukti ‘hidup’ ketokohan dan keilmuan para ulama semasa pula, para pelajar dibawa melawat ke pusat-pusat pengajian turath yang diasaskan oleh ulama sendiri seperti Maahad yang diasaskan oleh Syeikh Muhammad Nuruddin al-Banjari. Di sana, para pelajar dan guru mendapatkan input yang baru untuk diaplikasikan di pondok pengajian sendiri.

*“Bila kita nampak pengaruh guru dalam turath ini adalah besar, kita akan tengok (juga) pada masaif yang lain. Macam kita bawa (ke) Maahad Syeikh Nuruddin. Saya bawa untuk tengok suasana madrasah”* (PK5/6/162-166)

Pendekatan di luar kelas seperti ini juga mempunyai pengaruh terhadap pembentukan akhlak (Norhisham 2018). Sebagai pemegang aspirasi membentuk modal insan yang holistik, proses pengajaran perlu disokong dengan sikap positif guru, komitmen guru, cara penyampaian guru, aktiviti yang dilaksanakan serta kaedah pengajaran yang terbaik (Mohamad Khairi & Asmawati 2010). Kejayaan guru tidak diukur berdasarkan kepakarannya dalam mengajar tetapi lebih kepada sejauh mana guru itu menjadi contoh kepada pelajarnya. Sebarang masalah berkaitan guru menggambarkan masalah dalam sistem pendidikan (Deni Sutisna, Dyah Indraswati & Muhammad Sobri 2019). Maka, peserta kajian menegaskan punca kepada masalah sahsiah pelajar berkait dengan masalah

guru itu sendiri yang melanggar peraturan dan disiplin. Pemikiran seumpama ini disematkan dalam diri para guru supaya mereka bersedia berhadapan dengan pelbagai karenah para pelajar dan komited dalam mendisiplinkan mereka. Kata beliau,

*“Pastikan setiap masa kita sedia dengan sahsiah kita, dengan kelengkapan yang kita perlu sebagai warga pendidik. Contohnya kita nak suruh pelajar tepati masa tapi kita tidak menepati masa, jadi ini menjadikan masalah kerana (kita) tidak bersedia untuk mengikut arahan kita sendiri.”* (PK4/10/289-292)

Secara pastinya, guru mesti mempunyai keprihatinan tinggi terhadap pembentukan sahsiah jangka panjang pelajar (Deni Sutisna, Dyah Indraswati & Muhammad Sobri 2019). Tanggungjawab ini bukan mudah tetapi perlu kepada pengorbanan dan usaha yang tinggi daripada para guru. Ini dapat dilakukan apabila semua guru memahami bahawa fokus utama dalam pendidikan ialah membimbing dan mengarahkan pelajar untuk sentiasa beriman, berfikir, beremosi, bersikap positif berdasarkan kerangka wahyu dan keperibadian Rasulullah SAW (Ahmad Sopian, 2016). Sehingga mereka didapati lebih mengutamakan sahsiah pelajar berbanding aspek lain seperti kekuatan hafazan dan kepandaian. Menurut peserta kajian,

*“Dalam pengajian turath tu pertama sekali memang kita tekankan kepada adab la.”* (PK5/4/105)

*“Dinilai, itu yang paling penting. Sebab utama sekali dia datang di sini pertama sekali adalah akhlak. Kita nak ubah akhlak dia, kepandaian itu adalah nombor dua.”* (PK1/6/126-127)

Tumpuan kepada pembentukan sahsiah ini adalah seperti yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali berkenaan kewajipan sebagai pelajar iaitu mengutamakan kesucian jiwa, bersedia merantau atau mengurangi hubungannya dengan keluarga dan tempat tinggal, jangan sombong dengan ilmu dan tidak menentang guru (Yoke & Ahmad Hifdzil 2015).

## **MEMBANGUNKAN ROHANI PELAJAR**

Ilmu tasawuf merupakan usaha bertujuan untuk memperbaiki budi dan membersihkan batin sehingga menimbulkan kepekaan sosial yang tinggi dalam diri seseorang. Jiwa yang dihidupkan melalui pendekatan ini menyebabkan manusia sentiasa melakukan muhasabah diri dan menyedari

kesalahannya. Ia didasari oleh keimanan yang mendalam dan keyakinan yang tinggi bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi hamba-Nya. Kesedaran seperti ini mendorong manusia untuk menghindarkan diri daripada maksiat dan seandainya tergelincir mereka sedia untuk menerima hukuman yang sewajarnya (Ali 2015).

Maka, kajian mendapati ilmu tasawuf dijadikan sebagai sebahagian silibus pengajian turath di Selangor. Penetapan ini termasuk dalam usaha untuk menerapkan ilmu tasawuf melalui kitab muktabar seperti Kitab Penawar Bagi Hati, Hidayat al-Salihin (PK1, 2020), Ayyuha al-Walad dan Minhaj al-‘Abidin (PK4, 2020). Ini kerana ilmu tasawuf ialah ilmu yang paling banyak membicarakan soal hati dan adab zahir. Memperbanyakkan perbincangan dan penerangan berkait dengan apa yang dilakukan pelajar juga merupakan kaedah pembentukan sahsiah (Siti Rashidah, Haslina & Zetty Nursulina 2016). Peserta kajian menjelaskan,

*“Kalau yang jawi punya kita ada baca Kitab Penawar Bagi Hati, ada juga Kitab Pelita Penuntut iaitu Ta’limul Ta’lim yang telah diterjemahkan kepada pelita penuntut, ada Hidayatul Solihin dan macam-macam.”*  
(PK1/2/46-48)

Pendekatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan Rizky (2017) bahawa pondok pesantren Ulin Nuril Islamil Qayyidi Indonesia turut mengajarkan kitab akhlak khusus sebagai langkah untuk membentuk akhlak para pelajar iaitu kitab Samawi dan kitab Akhlaqul lil Banin. Matlamat daripada pengajian dan amalan tasawuf ini ialah untuk mengenal dan beribadah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh serta jiwa yang suci sehingga mencapai ma’rifatullah dan membentuk masyarakat yang sejahtera. Pelajar yang memahami tasawuf dengan baik akan menjauhkan diri daripada perlakuan dosa dan maksiat kerana mereka meyakini bahawa matlamat hidup hanyalah kerana Allah SWT (Nozira et al. 2020).

Selain itu, dalam ilmu tasawuf juga pelajar didedahkan kepada persoalan hati. Melalui pengetahuan tentangnya, seseorang akan terdorong untuk mengubah dan merawat hati. Seterusnya, ia memberi kesan kepada pemikiran dan emosi yang akan dizahirkan melalui tingkah laku. Secara beransur-ansur, perubahan tingkah laku daripada buruk kepada baik dapat dirasai. Kerana itu, al-Ghazali selaku ulama tasawuf menggagaskan pendekatan *tazkiyat al-nafs*, *riyadah al-nafs* dan *mujahadah al-nafs* yang fokus utamanya ialah pembangunan rohani (Faizatul Najihah & Faudzinaim, 2016).

Proses *tazkiyat al-nafs* dalam pembangunan rohani termasuklah menyucikan diri daripada kotoran fizikal dan spiritual, memelihara rukun Islam, membaca al-Quran, berzikir dan doa, mencintai dan menyebarkan

ilmu, memelihara akal, mengetahui hakikat kebaikan dan keburukan akhlak, mengikuti adab kehidupan dan pekerti cara Nabi SAW (Faizatul Najihah & Faudzinaim 2016). Aktiviti seumpama ini membantu perkembangan sosial yang memberi pengaruh kepada keperibadian dan kerohanian pelajar di samping dapat menyuburkan kemahiran dalam kalangan pelajar walaupun hal ini tidak dikira sebagai satu manhaj (kurikulum) (Norhisham 2018). Ia tidak hanya terbatas kepada *tathir al-nafs* (penyucian jiwa) tetapi juga membawa kepada *tanmiyat al-nafs* (pembangunan jiwa) ke arah yang lebih baik (Yoke & Ahmad Hifdzil 2015).

Maka, penyucian jiwa mempunyai kaitan langsung dengan ibadah yang dilakukan dengan baik dan benar (Ahmad Sopian, 2016) kerana ilmu merupakan amalan hati dan wasilah mendekatkan rohani kepada Allah SWT. Antara amalan yang diterapkan kepada para pelajar seperti zikir (PK1, 2020; PK2, 2020), wirid (PK5, 2020), qiamullail (PK5, 2020), selawat (PK4, 2020) dan bacaan al-Quran (PK5, 2020; PK2, 2020). Ini dinyatakan oleh guru,

*“Kita ada zikir khas kita. Setiap pondok mungkin berbeza Tapi peraturan itu tetap ada (iaitu) zikir khas” (PK1/11/266-267)*

*“Pelajar lelaki dan perempuan akan buat kumpulan untuk selawat ramai-ramai dalam sejam.” (PK4/14/404-405)*

*“Qiamullail memang kita wajikan pada pukul 4.30 dah bangun, kemudian mengaji dekat surau.” (PK5/6/182-183)*

*“Ma’thurat ada hari-harinya. Wirid syifa’ ni dibaca hari-hari.” (PK5/7/194)*

*“Dalam pembelajaran kitab turath ini bukan fokus kepada pengajian ilmu semata-mata. Bahkan anak-anak didedahkan dengan sebagai contoh zikir-zikir harian, atau zikir mingguan. Contoh, setiap hari Khamis kena baca surah Kahfi. Kemudian hari jumaat adakan Qasidah untuk pujian Nabi Muhammad SAW.” (PK2/2/42-45)*

Pendidikan sahsiah bertujuan membentuk peribadi yang kuat dari segi rohaninya sehingga seseorang memiliki ketakwaan dalam hubungannya kepada Allah seperti ikhlas, mengagungkan-Nya, berani mengatakan kebenaran, mempamerkan kebergantungan kepada-Nya, dan menjaga hukum-hukum dan adab-adab dalam melaksanakan setiap bentuk ibadah kepada-Nya (Ali 2015). Justeru, ia sangat berkait dengan sifat hati

yang akan memberi kesan terhadap anggota badan (Faridah & Tengku Sarina 2006).

### **MEMBERI MOTIVASI KEPADA PELAJAR**

Sebagai guru, mereka merupakan pemberi inspirasi kepada pelajar. Maka, tidak dapat tidak guru berperanan membantu pelajar supaya dapat membantu diri mereka sendiri. Guru memberikan motivasi, menyuburkan kreativiti sehingga pelajar terus bersemangat dan mempunyai peribadi berdikari kerana mengetahui makna kehidupan dan menjalaninya sebagai warga yang bermanfaat kepada masyarakat. Untuk mendorong motivasi pelajar, guru seharusnya mempunyai hubungan interpersonal dengan para pelajar (Ahmad Sopian, 2016; Iman Syahid 2015).

Bagi peserta kajian, motivasi pelajar perlu sentiasa dirangsang dari masa ke masa supaya pelajar tidak mempunyai peluang untuk merasa patah semangat untuk meneruskan pengajian turath. Pelajar juga sering diingatkan motivasi terutama dalam menuntut ilmu ialah niat ikhlas kerana Allah SWT serta semangat untuk berkhidmat kepada masyarakat (PK2, 2020) Menurut mereka,

*“Kita kena bagi motivasi kepada dia. Kita kena selalu up kan semangat dia. Jangan bila dia dah patah semangat dia dah tak boleh buat apa. Jadi, semangat itu sangat perlu.”* (PK1/5/116-117)

*“Asatizah sendiri yang akan menekankan apa yang kita belajar ni tak cukup sebenarnya. Jadi, kita kena tambah dengan ilmu yang advance ini supaya kita ni berdepan dengan masyarakat dengan lebih banyak ilmu berkaitan.”* (PK2/8/215-217)

Antara kaedah yang digunakan untuk memberi motivasi kepada pelajar ialah sesi suaikenal pada tempoh permulaan mereka mengikuti pengajian. Sekurang-kurangnya pelajar perlu tinggal di sekolah selama 40 hari pertama tanpa dibenarkan menghubungi orang luar termasuk ibubapa. Dalam tempoh ini, para pelajar akan diperkenalkan dengan sistem pengajian turath dan budayanya yang berbeza dengan sekolah yang lain. PK3 (2020) mengatakan kaedah ini sangat berkesan dalam membantu pelajar untuk beradaptasi dengan suasana pengajian yang baru. Jelas peserta kajian,

*“Bila dah masuk di sini kita dan buat satu peraturan macam dalam 41 hari tu dia tak boleh balik dan lost contact dengan penjaga dia. Dalam masa 41 hari tu la dia akan menyatu dalam keadaan kita.”* (PK1/6/149-154)

*“Kita cuba perhalusi permasalahan itu mungkin sebulan atau ke tiga bulan melalui kaedah jangan berhubung dengan ibu bapa melalui telefon. Jadi, itu sangat berkesan sebab ada pelajar yang kita tengok dari bulan pertama sampai bulan ketiga asyik ulang alik ke rumah dan itu membuatkan mereka tak boleh nak adapt dengan persekitaran yang kita terapkan dan sebagainya” (PK3/10/271-275)*

Maka, di sinilah peranan guru sebagai murabbi dengan membina kepercayaan pelajar terhadap guru. Hubungan yang didasari dengan kasih sayang antara guru dan pelajar memudahkan proses pembentukan sahsiah dari masa ke masa (Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini 2013). Proses yang bukan sekejap ini memerlukan kepada saling memahami antara kedua-dua pihak dengan menjadikan adab sebagai tunjang utama. Penekanan adab antara pelajar dengan guru yang menjadi asas kepada sistem pengajian turath. Menghormati dan menyantuni guru juga merupakan amalan para ulama yang melaluinya pelajar akan beroleh keberkatan ilmu serta melatih mereka dengan sifat tawaduk. Ini dijelaskan Imam al-Ghazali di dalam kitabnya *Ihya'* bahawa hendaklah seseorang penuntut itu bersikap tawaduk dengan gurunya dan mencari ganjaran pahala serta kemuliaan dengan berkhidmat kepada gurunya (Abdul Mukti & Makiah 2012).

## **MENASIHATI DAN MENEGUR KESALAHAN PELAJAR**

Menjadi lumrah dalam mendidik anak remaja akan berhadapan dengan pelbagai cabaran terutama daripada para pelajar sendiri. Bagi menangani masalah ini, para guru didapati menggunakan pendekatan nasihat dan teguran sebagai langkah awal. Para guru juga sedaya upaya berusaha mengelakkan pendekatan berbentuk hukuman atau tindakan yang berat. Peserta kajian menyatakan,

*“Pertama sekali kita akan memberi nasihat kepada dia bila dia memberontak kita akan memberi nasihat. Kita nasihatkan dia, kita bagi motivasi dekat dia, Insya-allah dia boleh terima sebab jahat-jahat kita bina dengan nasihat kita akan tunduk juga.” (PK1/8/192-195)*

*“Untuk pelajar sahaja kita hanya fokus tentang maklumat ilmu, sebab masa belajar kita nakkan kefahaman. Jadi luar kelas, kita nakkan sahsiah seperti bergaul dengan guru, kawan-kawan. Yang kedua, konsep yang digunapakai lembut dan halus, bukan konsep penderaan dan fizikal.” (PK4/7/211-214)*

Pendekatan nasihat juga digunakan dalam melatih sifat amanah dalam diri para pelajar. Peserta kajian menjelaskan,

*“Pendekatan dia dengan menyuruh sesuatu benda dan kita tengok keadaan terhadap apa yang dibuat. Kalau dia salah kita tegur, kalau tak salah kita biar sahaja dulu, untuk tengok sama ada amanah atau tidak amanah. Jika diulangi dalam tiga kali kita akan bagitahu dan terangkan.” (PK1/11/284-287)*

Dengan erti kata, para guru tidak alpa daripada sentiasa memberikan nasihat dan peringatan kepada pelajar menggunakan pendekatan tersendiri. Kaedah yang paling berkesan adalah guru perlu mengenal pelajarinya dari segi latar belakang, sahsiah dan potensi terlebih dahulu sebelum memberi ilmu kepada mereka. Melalui pengetahuan asas ini, guru dapat membina sahsiah pelajar secara halus dan lemah lembut tanpa perlu kepada paksaan atau kekerasan seperti penggunaan rotan. Tambahan pula jika kaedah ini disampaikan oleh orang yang memiliki akhlak mulia, diutarakan dengan penuh bijak, menggunakan bahasa yang menyentuh, serta dalam kondisi tepat dan tempat yang sesuai (Ali 2015). Ini menunjukkan bahawa guru pengajian turath mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif, empati dan santun dengan para pelajar di samping bercita-cita tinggi dan positif. Guru juga mampu memberi respons yang lengkap dan relevan kepada masalah para pelajar menjadikan proses pembentukan sahsiah menjadi lebih mudah dan tercapai kerana hati pelajar telah menjadi lunak terhadap guru (Fadhil & Nailal 2019).

## **MEMAHAMI MASALAH PARA PELAJAR**

Sebagai pendidik, guru perlu mempunyai kemahiran psikologi iaitu dengan mendekati pelajar dan mengetahui masalah sebenar mereka. Ini akan membolehkan guru membimbing pelajar menyelesaikan masalahnya dengan baik dan mendorong mereka berakhlak mulia (Siti Rashidah, Haslina & Zetty Nursulina 2016; Ahmad Sopian, 2016). Perhatian secara khusus yang diberikan oleh guru kepada pelajar juga dapat mendorong motivasi mereka untuk menjadi lebih baik (Fadhil & Nailal 2019). Peranan ini seumpama guru kaunselor yang cenderung mendengar dan tidak cepat menghukum pelajar dalam apa juga keadaan yang dihadapi. Secara tidak langsung, guru juga telah menanamkan sifat disiplin, bertanggungjawab, jujur dan toleransi dalam diri pelajar (Iman Syahid, 2015). Keprihatinan guru ini juga mengelakkan pelajar daripada berlaku salah faham dan silap memahami atau mempraktikkan sesuatu ilmu (Haziyah et al. 2019).

Pendekatan ini tidak dinafikan oleh guru pengajian turath. Pada mereka, suara pelajar perlu didengar sebaiknya dan sebarang salah faham perlu dijelaskan supaya jiwa mereka tidak terganggu dengan masalah dan

dapat kembali menumpukan perhatian kepada pengajian. Berhubung hal ini peserta kajian menjelaskan,

*“Setiap seminggu sekali kita akan adakan mesyuarat pelajar. Apa-apa masalah kena bagitau. Jadi, apa-apa masalah pelajar kita akan selesai pada pagi Jumaat.” (PK1/13/323-326)*

*“Yang kedua adalah kena tahu masalah pelajar itu apa. Kita tak boleh hukum pelajar sama rata. Jadi, kita kena tahu masalah dia dulu. Pastu, di sini kami menerapkan untuk terangkan hujah dia dulu, bukan dengan terus menghukum. Kita kena dengar dulu hujahnya.” (PK1/14/351-354)*

Metode dialog dan soal jawab adalah salah satu metode penting dalam menanamkan nilai-nilai pendidikan akhlak. Metode ini menyebabkan pelajar akan memberi perhatian kepada isi nasihat dan memikirkannya. Perbincangan yang diatur dengan bijak dapat membuka pemikiran pelajar dan akhirnya memahami maksud perbincangan tersebut tanpa perlu mencela dan merendahkan martabatnya (Ali 2015). Untuk itu, kerjasama antara para guru adalah penting. Ini bagi membolehkan kesatuan pendapat antara guru boleh dicapai. Semua masalah pelajar juga dibincangkan bersama agar penyelesaian yang berkesan diperolehi. Menurut peserta kajian,

*“Guru semua kena ambil perhatian bahawa semua itu adalah murid kita. Bukan seorang yang kena tengok, yang lain goyang goyang kaki. Semua guru di sini bertanggungjawab semuanya untuk tengok semua pelajar.” (PK1/7/185-189)*

*“Meeting bulanan ni, setiap kali meeting kita akan minta minit mesyuarat tentang disiplin pelajar.” (PK4/10/305)*

Melalui perkongsian maklumat berkenaan sahsiah dan disiplin pelajar, para guru akan lebih berwaspada di samping kreatif dalam mempelbagaikan kaedah untuk membantu pelajar memperbaiki sahsiah mereka (Fadhilil & Nailal, 2019).

## **MENYEDIAKAN SUASANA CINTAKAN ILMU**

Sebagai pusat pengajian, sekolah bertanggungjawab menyediakan suasana yang kondusif agar dapat menyuburkan budaya cinta ilmu (Ahmad Sopian, 2016). Tidak dinafikan bahawa asas kepada pembentukan sahsiah pelajar ialah ilmu agama. Penerapan nilai-nilai agama yang baik dan benar terbukti



membantu dalam pengukuhan sahsiah diri pelajar tidak terpesong dalam mengharungi cabaran hidup yang penuh pancaroba. Penekanan dalam mempraktikkan ajaran agama mampu menjadi perisai kepada anak-anak untuk tidak terlibat dengan gejala sosial negatif yang boleh menghancurkan masa depan mereka (Fauziah et al. 2012; Yoke & Ahmad Hifdzil 2015). Justeru, ini yang diusahakan oleh sekolah dan guru pengajian turath apabila mereka mewujudkan suasana ilmu di sekolah dan menerapkannya dalam diri pelajar. Menurut PK1 (2020), setiap pelajar akan dijelaskan terlebih dahulu tujuan belajar dan kemudiannya diperkenalkan dengan perjalanan para ulama dalam menuntut ilmu sebagai pendorong mereka untuk terus menuntut ilmu. Para pelajar yang memahami tujuan belajar secara tidak langsung akan mempunyai sifat tamak kepada ilmu. Ini boleh dilihat melalui semangat mereka untuk mempelajari kitab secara bertahap (PK5, 2020). Peserta kajian menyatakan,

*“Pertama sekali untuk terapkan cinta ilmu, dia datang sini kena tahu matlamat datang sini buat apa, tujuan datang ke pondok untuk apa. Bila dia dah tahu tujuan dia, akhirnya dia akan semangat untuk mencapai tujuan impian dia, contoh untuk menjadi ulama itu bukan perkara yang senang. Jadi, kena ada idola kemudian berusaha dengan tengok sejarah-sejarah dahulu macam mana mereka cinta kepada ilmu, kita kena buat gaya macam mereka la.”* (PK1/13/328-333)

*“Sebab susunan kitab tu, bagi sikit-sikit. Lepas tu perkenalkan kitab-kitab lain berkaitan. Jadi diorang nak lagi nak lagi.. Maksudnya ada sifat tamak dalam mendapatkan ilmu.”* (PK5/8/220-222)

Ini menunjukkan bahawa silibus pengajian turath mempunyai hubungan dengan tujuan menuntut ilmu. Penyusunan silibus yang sesuai dengan keperluan para pelajar amat penting agar ilmu dapat disampaikan serta diamalkan dengan benar (Fadhil & Nailal 2019). Maka, para guru menggunakan kreativiti mereka dalam menyediakan para pelajar untuk berhadapan dengan keadaan semasa. Penggunaan contoh yang relevan dan memberikan respons terhadap isu semasa kepada para pelajar diaplikasikan dengan tujuan supaya mereka lebih berwaspada tentang perkembangan masyarakat. Berkenaan ini, peserta kajian menyatakan,

*“Kita kan kait dengan isu-isu semasa sebab kita hidup zaman sekarang sebab Saidina Ali ada bagitahu kita kena ajar anak mengikut peredaran zaman.”* (PK1/5/108-109)

*“Untuk kaitan dengan isu semasa ini kalau dia faham ini kita menitikberatkan tentang akidah. Kita punya prinsip kau kalau tak pandai*

*macam mana pun janji keluar dari sini dengan akidah yang sahiih.”*  
(PK2/6/148-150)

Dalam masa yang sama, guru-guru sentiasa mengingatkan niat belajar yang paling utama ialah ikhlas hati. Melalui rasa ini, pelajar bukan sahaja mendapat ilmu yang berkat bahkan juga memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah diri. Malah, guru juga perlu mempunyai rasa ikhlas dalam mengajar dan mendidik akhlak sebagai kunci kepada kejayaan sistem pengajian turath. Melalui ikhlas, segala pekerjaan dapat dimaknai dengan baik, emosi dapat dikawal, nilai menjadi keutamaan dalam setiap tindakan. Nilai ikhlas dan kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan sikap profesional para guru (Gina, Mubarak & Shanty 2016). Peserta kajian menyatakan,

*“Perkara yang menjadi sukses dalam pengajian pondok ini adalah dilihat pada keikhlasan para guru. Ikhlas guru itu kena ada. Kalau keikhlasan guru-guru ada, insha Allah murid akan berhasil. Itu yang paling penting g iaitu akhlak dan keikhlasan.”* (PK1/14/358-361)

Keikhlasan para guru juga diterapkan kepada para pelajar dengan melatih mereka dengan rasa ingin berkhidmat. Kata peserta kajian,

*“Kita duduk pondok bukan untuk belajar sahaja tetapi untuk belajar dan berkhidmat. Ilmu itu dipelajari, barakah itu dengan berkhidmat. Dengan berkhidmat kita akan mendapat keberkatan ilmu.”* (PK1/11/271-275)

*“Kita akan wajibkan pelajar untuk khidmat Maahad selama setahun.”*  
(PK4/3/75)

Kerelaan untuk berkhidmat ini wujud apabila pelajar dapat merasai suasana sekolah yang tenang dan menyenangkan. Kepercayaan guru kepada pelajar dapat dilihat apabila mereka diberi peluang untuk menimba pengalaman sebagai pengajar di sekolah sendiri. Proses ini pada hakikatnya termasuk dalam pembentuk sahsiah pelajar supaya bersungguh-sungguh, kreatif, disiplin dan tanggungjawab (Iman Syahid 2015).

Selain itu, suasana cintakan ilmu di sekolah juga terpamer melalui usaha para guru yang mempunyai kemahuan belajar yang tinggi untuk menambah ilmu dan keperibadiannya sebagai guru (Ahmad Sopian, 2016). Maka, tidak hairanlah apabila guru-guru pengajian turath tidak terhad kepada subjek yang khusus. Sebaliknya semua guru perlu menguasai kesemua ilmu dan kitab turath. Ini adalah satu perkara yang baik kerana penguasaan yang mendalam terhadap subjek diajar termasuk dalam

kompetensi peribadi seorang guru (Iman Syahid 2015). Situasi ini berkait dengan faktor ikhlas dan cintakan ilmu. Guru tidak berhenti belajar hanya kerana mereka merupakan tenaga pengajar. Bahkan, menjadi budaya pengajian turath guru-guru akan mengadakan kelas sesama rakan guru sendiri atau melalui guru jemputan. Ia seperti yang dinyatakan,

*“Kemudian untuk guru-guru juga kita akan menyediakan juga daripada asatizah Indonesia. Macam sekarang pun kita masih pada mempelajari kitab-kitab turath dari asatizah daripada Indonesia, kita bermuzakarah bersama mereka untuk memantapkan lagi kemahiran dalam ilmu turath untuk para guru.”* (PK3/3/78-81)

*“Ya semua dia kena kuasai. Di sini takde had contoh sorang kena mengajar tasawwuf, orang lain kena mengajar feqah. Itu tak ada, kita bagi semua.”* (PK1/5/102-103)

#### **MEMELIHARA SUMBER MAKANAN**

Selain daripada peranan keluarga, guru dan tokoh masyarakat, faktor sumber makanan dan minuman juga perlu diperhatikan kerana ia memberi kesan terhadap pembentukan peribadi manusia. Makanan yang berkhasiat akan menumbuhkan jasad yang sejahtera manakala dari segi aspek kehalalan dan kesucian makanan itu memberi kesan terhadap kesihatan mental manusia (Nur Hamim, 2014). Pemantauan makanan di sekolah-sekolah penting bagi memastikan para pelajar tidak dicemari dengan makanan yang merosakkan perkembangan jiwa dan rohani mereka (Abdul Mukti & Makiah 2012). Dalam hal ini, pihak sekolah didapati mengambil berat tentang pemakanan para pelajar. Kehalalan makanan dipastikan dengan sebaiknya di samping para pelajar tidak dibenarkan untuk makan makanan yang diketahui kemudarannya seperti mi segera. Ini dinyatakan oleh peserta kajian,

*“Kita akan pastikan makanan itu beli sendiri. Makanan tu kita akan beli sendiri. Kalau macam daripada sumbangan, kita tahu dia orang yang pandai (halal haram).”* (PK1/12/308-310)

*“Kita memang maggi tak boleh. Kalau dari segi guru pun kita larang, tidak galakkan kepada pelajar. Fast food ni kita kurangkan.”* (PK3/15/483-484)

## **MENJALINKAN HUBUNGAN DENGAN IBUBAPA PELAJAR**

Tugas guru tidak terhenti setakat di sekolah sahaja. Atas sebab ini, kerjasama daripada ibubapa juga diperlukan terutama melibatkan pemantauan anak-anak di rumah. Maka, guru-guru juga membina hubungan baik dengan ibubapa supaya maklum balas mereka dapat diketahui oleh pihak sekolah. Kemampuan guru berkomunikasi dengan pelajar dan mereka yang berada di sekitarnya seperti ibubapa, keluarga dan rakan-rakan merupakan aspek kompetensi sosial yang perlu dimiliki oleh guru (Iman Syahid, 2015). Kedua-dua pihak juga dapat berkongsi aspirasi yang sama berhubung sahsiah pelajar. Ibubapa tidak segan menceritakan masalah anak mereka serta perubahan yang dilihat setelah melalui proses pengajian turath. Melalui hubungan positif ini, guru dapat mengenali pelajar dengan lebih dekat serta mengetahui sisi yang mereka tidak dapat tahu secara langsung daripada para pelajar.

*“Masa cutilah peranan ibu bapa terhadap pelajar. Maka setiap kali kita terima pelajar baru, kita akan buat perhimpunan untuk mak ayah dan bagitahu mak ayah untuk tolong kami. Sebab kami tidak dapat mendidik anak tanpa bantuan ibu bapa.” (PK4/11/313-316)*

*“Ibu bapa memang memberi kerjasama la. Kalau masa PKP ni lagi la, ibu bapa akan memberi laporan kepada kita.” (PK5/5/139-140)*

Kerjasama daripada ibubapa juga amat diharapkan jika pelajar mempunyai masalah disiplin. Guru akan menerangkan keadaan dan tindakan yang diambil terhadap pelajar supaya ibubapa boleh menerimanya dengan baik. Ini boleh dilakukan dengan adanya hubungan baik antara kedua-dua pihak (Ahmad Sopian 2016). Tambahan pula, hukuman berat seperti rotan merupakan langkah terakhir dan dijalankan selepas guru memberi penjelasan terperinci kepada pelajar dan ibubapa sebab ia dilaksanakan serta mencadangkan tindakan lanjut yang perlu diambil selepas hukuman ke arah memperbaiki akhlak pelajar.

## **MELAKUKAN PEMANTAUAN**

Pemantauan dan kawalan pelajar secara zahir mahupun batin sepanjang fasa pembelajaran adalah penting bagi menghindarkan mereka daripada pelbagai anasir negatif (Ahmad Sopian 2016). Selain daripada mendidik pelajar dengan akhlak baik dalam sesi kelas, mereka juga akan dipantau baik semasa mereka di asrama mahupun ketika di rumah. Guru menyatakan,

*“Kalau dia balik kampung, bila dia balik sini kita akan siasat balik. Kita buat siasat. Kita berjanji dahulu jangan buat bukan-bukan. Kalau dia buat juga macam dia buat perjanjian dengan kita sampai sini kita betulkan balik.” (PK1/9/219-222)*

Sebagai manusia, perasaan takut dan berharap merupakan fitrah. Ia perlu dikawal menggunakan pendekatan motivasi dan peringatan seperti yang ditunjukkan dalam al-Quran dan sunnah (Ali 2015). Maka, tindakan tegas dan proaktif diambil sekiranya pelajar didapati cenderung untuk melakukan perkara yang salah. Ini penting bagi menyedarkan para pelajar bahawa mereka sentiasa diperhatikan dan tidak boleh berperilaku sewenang-wenangnya. Ini ditegaskan oleh peserta kajian,

*“Setiap apa yang pelajar buat kesalahan kita akan ambil respon dan takkan biarkan, pastikan setiap pelajar berada dalam berjaga-jaga dan beringat, itu adalah proses pembelajaran.” (PK4/8/235-237)*

*“Kalau di maahad memang kita akan follow perkembangan semasa. Jadi, kita tahu la pelajar ni kat sekolah macam mana, kat luar macam mana. Jadi, kita nampak beza dia, jadi mungkin ada beberapa perkara yang dia lakukan di luar yang kita tahu, kemudian kita boleh tegur secara berlapik di sekolah.” (PK2/12/348-351)*

*“Yang pertama kita akan bagi amaran, yang kedua kalau dia buat lagi kita akan bagi amaran kepada pelajar dan ibu bapa. Yang ketiga, kalau tak dengar buat lagi kita akan gantung pengajian selama seminggu. Kalau dia ulang lagi baru kita akan keluar surat pindah sekolah. ” (PK4/12/337-340)*

Ini termasuk juga dalam soal pengawalan gajet. Pihak sekolah tidak membenarkan para pelajar menggunakan telefon sepanjang berada di sekolah. Jika ada sekalipun, mereka akan dipantau rapi oleh guru.

*“Pelajar tahun tujuh akan dibenarkan bawa telefon, (tapi) sampai masa kena serah pada warden. Masa untuk kerja boleh ambil, pastu hantar balik. Kalau kita tak benar untuk kegunaan ni memang tak boleh buat kerja la. Sebelum tahun tujuh, iaitu tahun satu hingga enam kita tak akan benarkan langsung sebab banyak perkara negatif tentang telefon.” (PK4/13/370-373)*

Hakikatnya, proses pembinaan sahsiah memerlukan kepada persediaan yang rapi daripada para guru. Maka, setelah para pelajar diberi ilmu, nasihat dan peringatan, mereka juga dipantau secara langsung oleh

guru. Pergaulan pelajar dan penampilan diri mereka diperhatikan sama ada semasa sesi dalam kelas, di asrama mahupun di luar sekolah. Guru akan mengambil langkah segera dengan membetulkan atau menegur kesalahan pelajar secara tidak langsung supaya mereka secara sendiri sedar dan mengubah perilaku.

## **PENILAIAN DAN GANJARAN**

Dalam proses pendidikan, aspek penilaian bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pendekatan yang telah digunakan kepada para pelajar. Ia diukur berdasarkan tingkah laku, pemahaman dan pandangan atau ekspresi. Guru boleh menilai berdasarkan pemerhatian zahir, iaitu aspek sikap mulia seperti kejujuran, keadilan, toleransi, menjaga keseimbangan (tawazun), menerapkan sikap kasih sayang, menjaga hak-hak orang lain, dan menghindari perbuatan yang mengandungi kezaliman terhadap pihak lain (Ali 2015). Hasil daripada penilaian membolehkan guru merancang kaedah pengukuhan atau kaedah untuk menangani masalah yang timbul berkaitan sahsiah pelajar (Fadhil & Nailal 2019). Bagi yang mempamerkan akhlak baik, maka sekolah menyediakan ganjaran kepada mereka. Perkara ini dijelaskan oleh peserta kajian,

*“Dari situ kita dah boleh nilai bahawa pelajar ni baik atau tidak baik melalui adab mereka lalu depan guru, bagaimana mereka berinteraksi dengan guru, bagaimana mereka berkhidmat dengan guru, bagaimana mereka di dalam kelas, bagaimana mereka di asrama dan sebagainya.”*  
(PK3/7/190-193)

*“Kita akan bagi pelajar terbaik pengajian dan pelajar terbaik bagi keseluruhan akhlak apa semua.”* (PK4/13/387-388)

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini mendapati pembentukan sahsiah para pelajar mempunyai hubungan dengan keperibadian para guru. Menjadikan guru sebagai suri teladan merupakan suatu proses pendidikan yang sangat halus dan diaplikasikan oleh Rasulullah SAW serta para sahabat dalam menyampaikan dakwah. Faktor ini merupakan kaedah yang paling berkesan mendorong para pelajar untuk mempraktikkan adab dan akhlak sebagai seorang Muslim (Siti Rashidah, Haslina & Zetty Nursulina 2016; Rizky 2017). Selain itu, guru dan pelajar juga diterapkan dengan kesatuan matlamat dalam menuntut ilmu iaitu semata-mata ikhlas kerana Allah SWT. Ilmu yang dipelajari adalah untuk diamalkan supaya diri sendiri dapat

diperbaiki terlebih dahulu di samping disampaikan kepada keluarga dan masyarakat. Keikhlasan menuntut ilmu menjadi motivasi para pelajar untuk kekal beramal soleh dan berakhlak mulia dalam apa jua keadaan.

Dalam proses mencapai ikhlas dan keelokan sahsiah, maka para guru menggunakan pelbagai kaedah bermula daripada persediaan diri sebagai guru, diikuti dengan penerapan atau proses pengajaran dan disusuli dengan pemantauan dari guru serta kerjasama daripada ibubapa serta keluarga pelajar. Maka, dari sudut persediaan para guru, mereka didapati memahami secara jelas akan matlamat utama pembelajaran di pondok sebagai pembentuk sahsiah pelajar. Para guru juga sedia mempersiapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu agama. Selain itu, guru juga mendapatkan maklumat awal daripada para pelajar tentang kesediaan mereka untuk menjalani sistem pendidikan di pondok termasuk tujuan mereka dan masalah yang dihadapi. Keterbukaan dan layanan baik guru menjadikan pelajar bersikap lebih terbuka untuk menerima perkara baru yang disampaikan baik ia merupakan nasihat mahupun hukuman.

Sepanjang proses pembelajaran pula, pondok didapati menjadikan karya-karya tasawuf dan adab sebagai sebahagian daripada silibus khususnya perbincangan berkaitan adab dengan guru. Penekanan terhadap pengamalan adab antara pelajar dengan guru dan adab sesama pelajar dilihat menjadi asas kepada pengajian turath. Ia sebagai latihan untuk beradab dengan masyarakat. Tambahan pula, para pelajar dilatih untuk melazimi amalan kerohanian tertentu seperti zikir, wirid, membaca dan menghafaz al-Quran sebagai usaha untuk menyucikan jiwa yang merupakan sumber utama akhlak mulia. Kemuliaan peribadi diukur berdasarkan sejauh mana ia mengikuti aturan Islam dalam setiap aspek kehidupan. Latihan rohani yang tertentu boleh mengurangkan pengaruh nafsu ke atas diri manusia (Yoke & Ahmad Hifdzil 2015). Ini menunjukkan pembinaan sahsiah perlu dilakukan secara seiringan melalui pendidikan secara zahir dan batin iaitu galakan untuk mengamalkan sifat mahmudah, menghindari sifat, menyucikan jiwa dan beramal ibadah (Nozira 2017).

Para pelajar juga perlu diberikan kefahaman awal agar mereka menyediakan diri mereka untuk dididik dan bersabar dengannya. Mereka juga perlu sedar bahawa dalam proses pendidikan akan ada perkara yang tidak digemari dan disukai oleh mereka (Abdul Mukti & Makiah Tussaripah, 2012). Kefahaman begini memberi kesan kepada pelajar dari segi mereka tidak memberontak apabila diberikan arahan, tugas atau denda oleh guru. Maka, pondok mengambil inisiatif untuk membentuk pemikiran pelajar seawal sebaik mereka mendaftar masuk pengajian. Pelajar diberikan tempoh masa sekurang-kurangnya 40 hari untuk membiasakan diri dengan budaya pengajian turath dan memahaminya.

Selain itu, guru-guru juga mengambil langkah proaktif dengan memberikan nasihat, motivasi dan teguran dari masa ke masa sama ada secara umum mahupun peribadi. Tidak dinafikan bahawa usaha untuk mengubah akhlak pelajar merupakan perkara yang sukar kerana sikap lama perlu dibuang terlebih dahulu. Maka, guru perlu bersabar dalam proses ini dan melakukannya secara bertahap (Yoke dan Ahmad Hifdzil 2015). Ini sesuai dengan cadangan Faridah dan Tengku Sarina Aini (2006) yang menyatakan pendekatan psikologi terdiri daripada kefahaman tentang situasi pelajar, memberikan contoh dan teladan yang sesuai, menjalankan pengawasan yang berpatutan, kemampuan memberi sokongan serta mempunyai kemahiran interpersonal yang setara dengan tahap psikologi pelajar.

Proses pembelajaran ini saling timbal balik dengan pemantauan dan penilaian guru kepada pelajar. Maklum balas dan penerimaan pelajar diperhalusi dengan rapi supaya guru dapat menilai cara yang terbaik untuk membentuk sahsiah pelajar. Oleh kerana pelajar juga mempunyai masa di luar pondok, maka kerjasama daripada ibubapa dan keluarga pelajar sangat penting. Komunikasi yang berkesan antara guru dan lingkungan pelajar membantu guru untuk memperkasa kaedah pendidikan yang diamalkan di pondok. Justeru, peranan guru secara keseluruhannya boleh dilihat dalam tiga keadaan iaitu: (1) menyediakan diri guru, pelajar dan keluarga pelajar untuk mendidik dan dididik, (2) membangunkan akhlak secara zahir dan batin, (3) melakukan pemantauan dan penilaian yang berterusan. Kesemua ini perlu dijalankan secara maksimum agar matlamat pengajian tercapai secara efektif dan berkualiti.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan peranan guru merupakan paksi utama dalam pembentukan sahsiah para pelajar. Para guru yang ikhlas dan menghayati ilmunya dengan baik akan sentiasa mengamalkan ilmu serta berusaha untuk mencontohi akhlak Rasulullah SAW. Keperibadian yang baik ini diperlihatkan kepada para pelajar dan menyebabkan mereka juga terdorong untuk menjadi insan soleh seperti guru mereka. Tambahan pula, hubungan yang baik antara guru dengan murid memudahkan proses pemindahan adab berlaku seiring dengan pemindahan ilmu agama. Para pelajar juga perlu sedar bahawa untuk mendapatkan ilmu mereka perlu menjunjung tinggi nilai adab dengan guru sebagai penyampai ilmu sehingga pada akhirnya rasa cintakan ilmu tanpa mengharapkan kedudukan juga pengaruh sebatu dalam diri. Melalui ilmu yang luas disertai dengan penampilan akhlak yang terpuji menjadikan masyarakat mudah mendampingi para ulama lepasan pengajian turath seumpama ini. Justeru, para pelajar pengajian turath perlu menyediakan diri mereka dengan ilmu dan pengetahuan semasa supaya



mereka kekal relevan serta bersedia untuk menjawab persoalan dalam masyarakat.

## PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat suntikan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS 2019 (No kod: KUIS/2019/GPIK-05/GPI/03). Sekalung penghargaan juga buat semua sekolah dan peserta kajian yang terlibat dalam menjayakan kajian ini iaitu Maahad Turath Islami, Pusat Pengajian Bustanul Ariffin, Kolej Islam As-Sofa dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Sabak Bernam.

## RUJUKAN

- Abdul Mukti Baharuddin & Makiah Tussaripah. 2012. Peranan *kitab Ta'lim Al-Muta'alim Tariq Al-Ta'alum* dalam memperkasa sistem pendidikan kontemporari di Malaysia. Dlm. Norarfan Zainal, Abdul Razak Abdul Kadir, Kharhan Jait, Mohd Syahiran Abdul Latif (Ed.). *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Brunei: Pusat Penerbitan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei: 47-53.
- Agustini Buchari. 2018. Peran guru dalam pengelolaan pembelajaran. *Jurnal Ilmiah Iqra* 12 (2): 106-124.
- Ahmad Idzhar. 2016. Peranan guru dalam meningkatkan motivasi belajar siswa. *Jurnal Office* 2 (2): 221-228.
- Ahmad Sopian. 2016. Tugas, peran dan fungsi guru dalam pendidikan. *Raudhah* 1(1): 88-97.
- Ahmad Yunus Mohd Noor & Qutrennada Rosli. 2017. Perkembangan Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Negeri Kedah. *Journal of Hadith Studies* 2 (2): 1-13.
- Ali Maulida. 2015. Metode dan evaluasi pendidikan akhlak dalam hadits nabawi. *Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam* 4: 855-869.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. 2013. Pengaruh personaliti guru pendidikan Islam terhadap pembentukan peribadi murid. *Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character*: 211- 218.
- Ayman Al-Akiti. 2021. *Penyuluh buat Penuntut Ilmu: Syarah Peringatan Penuntut Bagi Adab-Adab Menuntut*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn Bhd.

- Deni Sutisna, Dyah Indraswati & Muhammad Sobri. 2019. Keteladanan guru sebagai sarana penerapan pendidikan karakter siswa. *Jurnal Pendidikan Dasar Indonesia* 4 (2): 29-33.
- Dorlan Naibaho. 2018. Peranan guru sebagai fasilitator dalam perkembangan peserta didik. *Jurnal Christian Humaniora* 2 (1): 77-86.
- Endang Puji Rahayu. 2016. Kompetensi guru agama Islam dalam membentuk akhlakul karimah siswa di Madrasah Aliyah Al-Ma'arif Pondok Pesantren Panggung Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Fadhil & Nailal Muna. 2019. Kompetensi pedagogik ustadz di Pondok Pesantren Darussalam Sumbersari Kencong Kepung Kediri. *Intelektual: Jurnal Pendidikan dan Studi Keislaman* 9 (1): 53-64.
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badaruddin. 2016. Nilai-nilai pembangunan modal insan menurut al-Ghazali. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1: 11-27.
- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2006. Pendekatan psikologi dalam pendidikan akhlak Muslim sebagai pemangkin pembangunan insan dan tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu* 17: 290-306.
- Fatoni Ihsan. 2016. Interaksi sosial moralis guru dan siswa: Studi pemikiran dan implementasi pendidikan Az-Zarnuji di Pondok Pesantren Tapak Sunan Condet. Tesis Sarjana, Universitas Negeri Jakarta.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7 (1): 84-93.
- Ulvia Fatkurin Fuad. 2018. Implementasi kegiatan tahfidz qur'an dalam pembentukan karakter siswa SDI Al Munawar Pondok Pesantren Panggung Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Gina Gisya, Mubarak Mubarak & Shanty Komalasari. 2020. Ikhlas dan spiritualitas kerja terhadap profesionalisme guru pada guru pondok pesantren. *Jurnal Al Husna* 1 (3) Disember: 249-265.
- Haziyah Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Muhamad Razak Idris, Farid Mat Zain, Hamdi Ishak, Salamiah Ab. Ghani & Abdulroya Panaemalae. 2019. Amalan pengajaran guru di Pondok Bantan, Nakhon Si

- Thammarat, Thailand. *International Journal of Islamic Thought* 16: 24-37.
- Hendra. 2017. Peran guru dalam meningkatkan motivasi belajar siswa pada matapelajaran Sosiologi Kelas XI SMA Laboratorium Malang. Skripsi Program Studi Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Iman Syahid Arifudin. 2015. Peranan guru terhadap pendidikan karakter siswa di kelas V SDN 1 Siluman. *Pedadidaktika* 2 (2): 175-186.
- Kamarul Azmi Jasmi, Kamluddin Abd. Rahman, Azhar Muhammad, Mohd Ismail Mustari, & Muhamad Faiz Ismail. 2012. Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]) di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru, 8-9 Mac 2012: 319-329.
- Lilik Nur Kholidah. 2016. Peran guru dalam membangun karakter siswa di Sekolah Dasar Islam Al-Munawwar Pondok Pesantren Panggung Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Masyhurah Mohd Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis & Siti Aisyah Romli. 2015. Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Proceeding The 7<sup>th</sup> International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization (*POLTAN-UKM-POLIMED*).
- Maziahtusima Ishak, Siti Rugayah Hj Tibek, Zulkiple Abd.Ghani, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Amir Husin Mohd Nor, Noor Saazai Mat Saad, Ramiaida Darmi, Adibah Sulaiman@Mohamed, Setiyawan Gunardi, Noornajihan Ja'afar, Noor Azizi Ismail, Hayati Ismail. 2019. Isu dan cabaran pendidikan Pondok dari lensa Pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4 (31): 384-393.
- Mitro. 2017. Peranan guru dalam menciptakan pembelajaran yang kreatif. *Jurnal Bawi Ayah* 8 (1): 1-21.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. 2010. Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar melalui penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM SEA Journal of General Studies* II: 117-130.
- Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos. 2008. Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum* (9): 57-69.

- Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. 2011. Sejarah dan perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib* 6(1): 59-78.
- Muhammad Anasrulloh. 2018. Pelatihan metodologi penelitian di Pondok Modern Darul Hikmah Tulungagung. *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat* 6 (1): 62-67.
- Mujahid Haidar Assidiqi. 2017. Pembentukan karakter religius melalui kegiatan ekstrakurikuler di Pondok Pesantren Panggung Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Niswatul Husna. 2020. Kompetensi profesional guru pada Satuan Pendidikan Mu'adalah (Studi multisitius di Pondok Pesantren Hidayatul Mu'tadi- Ien Lirboyo dan Pondok Pesantren Al Falah Ploso Mojo Kediri. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed. 2015. Model kualiti guru pendidikan Islam sebagai murabbi menurut sarjana Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1 (1): 101-108.
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani & Siti Rugayah Hj Tibek et al. 2017. Cabaran institusi pendidikan pondok serta impak terhadap pembentukan diri pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2 (6): 223-235.
- Norhisham Muhamad. 2018. Pengaruh *Ansyitah* (Aktiviti) terhadap pembentukan akhlak pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Sains Humanika* 10 (3-4): 9-19.
- Nozira Salleh, Faudzinaim Badaruddin, Rosmawati Rasit, Mohd. Haidhar Kamaruzaman, Indriaty Ismail & Ahmad Yunus Mohd. Nor. 2020. The Importance of Tasawuf Practice in the Life of Modern Society. *International Journal of Business and Social Science* 11 (12): 83-89.
- Nozira Salleh. 2017. Tasawuf Menurut Perspektif Ahl Sunnah Wa al-Jamaah. Dalam, Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017, 11-12 April 2017, Narathiwat, Thailand: 189-201.
- Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir Mohd Yusoff. 2018. Etika dan tanggungjawab pendidik dalam profesion perguruan dan cabaran pendidik masa kini. *Jurnal Al-Anwar* 6 (2): 43-52.

- Nursyamsi. 2018. Peranan guru dalam mengimplementasikan kurikulum untuk mencapai prestasi dan kualitas pembelajaran peserta didik di sekolah. *Jurnal Al-Taujih* 4 (2): 1-12.
- Tan Bee Piang, Rahimah Wahid, & Zuraini Jamil@Osman. 2015. Peranan guru dalam membina iklim moral dalam bilik darjah. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan* 7 (3): 87 - 95.
- PK1. 2020. Temubual pada 8 Disember secara atas talian.
- PK2. 2020. Temubual pada 9 Disember secara atas talian.
- PK3. 2020. Temubual pada 15 Disember secara atas talian.
- PK4. 2020. Temubual pada 9 Disember secara atas talian.
- PK5. 2020. Temubual pada 15 Disember secara atas talian.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. 2015. Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan *Western-Type-Education*. *Jurnal Perspektif* 8 (2): 79-96.
- Rizky Aldotrio Wijaya. 2017. Pendidikan akhlak di pondok pesantren Ulin Nuril Islamil Qayyidi (UNIQ) Cabang Wilayah Malang Desa Pamotan- Kecamatan Dampit. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Cabaran guru Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak pelajar. *E-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities* Special Issue 3: 100-110.
- Sumiati. 2018. Peranan guru kelas dalam meningkatkan motivasi belajar siswa. *Jurnal Tarbawi* 3 (2): 145-164.
- Tulus Pambudi. 2018. Etos kerja ustaz dalam mengajar di Pondok Pesantren Darussalam Dukuhwaluh Purwokerto. Skripsi Sarjana Pendidikan Program Studi Pendidikan Agama Islam, IAIN Purwakerto.
- Yekti Winursito. 2017. Peran pendidikan pondok pesantren dalam membentuk karakter santriwati (Studi kasus di Pondok Pesantren Darul Huda Mayak Ponorogo). Skripsi Thesis, Universitas Muhammadiyah Ponorogo.
- Yakcop Jantan & Chua Yan Piaw. 2017. Kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4 (3): 1-12.
- Yoke Suryadarma & Ahmad Hifdzil Haq. 2015. Pendidikan akhlak menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal At-Ta'dib* 10 (2) Disember: 361-381.

**Penulis:**

Dr. Nazneen Ismail  
\*Pengarang Koresponden  
Jabatan Dakwah & Usuluddin  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Selangor  
Emel: nazneen@kuis.edu.my

Dr. Nurzatil Ismah Azizan  
Jabatan al-Quran & al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Selangor  
Emel: nurzatil@kuis.edu.my

Siti Mursyidah Mohd Zin  
Jabatan al-Quran & al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Selangor  
Emel: sitimursyidah@kuis.edu.my